

13/04/1997

Pemimpin BN hormati keputusan MB

KUALA LUMPUR: Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk dari Umno menghormati keputusan Tan Sri Muhammad Muhd Taib meletak jawatan Menteri Besar Selangor, berkuatkuasa esok.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kesanggupan Muhammad meletak jawatan harus dihormati dan dicontohi.

"Ini kerana seorang pemimpin itu lebih tahu apa yang dilakukannya," katanya.

Peletakan jawatan Muhammad diumumkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu, semalam. Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad juga melepaskan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor serta Wilayah Persekutuan.

Di KOTA BHARU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, menyifatkan keputusan Muhammad bijak demi keutamaan dan kepentingan parti.

Beliau berkata, keputusan itu tentu dibuat selepas Muhammad mengambil kira semua faktor, terutama yang membabitkan kepentingan parti.

"Saya percaya dengan kebijaksanaan Muhammad dan yakin beliau sudah memikirkan semua sudut. Saya fikir, kita harus menghormati keputusan Muhammad dan jangan terlalu ghairah membuat andaian dan kesimpulan sendiri," katanya sambil menyifatkan keputusan itu tidak menjejaskan Umno.

Timbalan Pengerusi MCA Kelantan, Leong Su Siang, berkata tindakan Muhammad mencerminkan sikap terbuka beliau dalam berpolitik.

"Langkah itu bagi membolehkan siasatan menyeluruh diambil terhadap Muhammad, sebelum sebarang tindakan diambil," katanya.

Di IPOH, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, menyerahkan kepada pucuk pimpinan Umno untuk membuat sebarang keputusan berhubung peletakan jawatan Muhammad sebagai Menteri Besar Selangor.

"Sebagai anggota komponen BN, tidak wajar bagi MIC mengeluarkan kenyataan berhubung masalah Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan. Sehingga kini kita belum tahu siapa yang bersalah atau sebaliknya kerana keputusan belum dibuat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang berkata, Muhammad sepatutnya meletak jawatan lebih awal sebaik sahaja didakwa di Mahkamah Brisbane, Disember lalu.

"DAP menganggap Muhammad sepatutnya meletak jawatan kerana kewibawaannya sebagai Menteri Besar terjejas ekoran kes itu," kata Setiausaha Agung DAP itu.

(END)